



LAPORAN LIPUTAN MEDIA RABU / 4 APRIL 2018

- 1. HIMPUNKAN 500 USAHAWANITA**
 - SINAR HARIAN

- 2. KERAJAAN PRIHATIN BANTU PESAWAH**
 - SINAR HARIAN

- 3. KARNIVAL USAHAWANITA 2018 JADI PREVIU HIMPUNAN USAHAWAN WANITA SEMPENA MAHA 2018**
 - KOSMO

**DISEDIAKAN OLEH:
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)**

Karnival Usahawanita 2018 jadi previu himpunan usahawan wanita sempena MAHA 2018 **30,000 bakal meriahkan karnival**

Oleh KAMARIAH KHALIDI

KEMAMAN - Kira-kira 30,000 pengunjung dijangka hadir bagi memeriahkan Karnival Usahawanita 2018 yang berlangsung selama tiga hari di Pantai Kuala Kerteh di sini bermula esok sehingga Sabtu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, karnival yang bertemakan *Segalanya Wanita* itu merupakan previu bagi himpunan usahawan wanita terbesar negara yang akan diadakan pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro

Pelancongan Malaysia (MAHA 2018).

MAHA 2018 akan diadakan pada 22 November hingga 2 Disember ini di Tapak Ekspo

Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, Selangor.

Menurutnya, Karnival Usahawanita 2018 itu juga bakal mengumpulkan seramai 500 usahawan wanita tempatan yang berpeluang menggunakan platform tersebut bagi mempromosikan

hasil kerja dan produk-produk mereka ke pasaran lebih luas.

"Karnival ini sudah masuk kali ketiga penganjurannya selepas sambutan yang begitu menggalakkan diterima ketika diadakan



AHMAD SHABERY (tengah) berbincang dengan beberapa usahawan wanita ketika melakukan lawatan persiapan Karnival Usahawanita 2018 di Pantai Kuala Kerteh, Kemaman semalam.

di Lundu, Sarawak dan Teluk Intan, Perak.

"Bagi saya ini merupakan satu acara yang cukup menarik bagi menghimpunkan para wanita, bukan sahaja dari kawasan se-

tempat malah pengunjung luar," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan persiapan Karnival Usahawanita 2018 di Pantai Kuala Kerteh di sini semalam.

Ahmad Shabery memberitahu, bagi penduduk di daerah Kemaman, karnival itu merupakan peluang terbaik untuk mereka menikmati pelbagai jenis produk usahawan tempatan selain menyertai lebih 100 aktiviti dan program yang dianjurkan.

Katanya, terdapat lapan kuster utama sepanjang karnival itu diadakan meliputi kesihatan, pelancongan, produk asas tani, kraf tangan, kulinari, perkembangan awal kanak-kanak, flori-kultur serta jualan produk segar seperti ikan dan sayur-sayuran.

"Karnival ini juga diharap akan menjadi suntikan buat para wanita untuk melonjakkan semangat keusahawanan mereka selain dapat lebih berkari dalam menempuh cabaran hidup pada masa akan datang terutama dari segi kewangan dan ekonomi," ujarnya.



Kerajaan prihatin bantu pesawah

Tak anggap industri padi membebankan, berterusan beri subsidi

MOHD HAFIZ ISMAIL

DAMANSARA

Kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sentiasa prihatin terhadap nasib golongan pesawah di negara ini dan akan terus memberikan bantuan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, kerajaan tidak mengangap industri padi sebagai membebankan, sebaliknya terus membantu dengan memberikan subsidi besar

kepada sektor berkenaan kerana ia antara penyumbang utama makanan negara.

"Orang kata industri padi ini membebankan kerajaan. Dalam Bajet 2018, kerajaan memberikan peruntukan besar dan kebanyakannya adalah subsidi benih dan harga padi.

"Ini tidak dibuat di negara lain, tetapi kita akan terus memberi bantuan seperti ini kepada pesawah," katanya ketika berucap pada Anugerah Tani Padi Beras Nasional Berhad (Bemas) 2018, malam kelmarin.

Pada majlis itu, tiga pesawah wanita dinobatkan penerima Anugerah Khas Srikandi iaitu satu pengiktirafan khusus bagi menghormati dan menghargai sumbangan golongan wanita di dalam industri.

Mereka ialah Zaliha Abd Rahman, 67, dari Seberang



Ahmad Shabery bergambar bersama penerima anugerah sempena Anugerah Tani Beras 2018 yang berlangsung malam kelmarin.

Perai Utara, Pulau Pinang; Hamisah Hashim, 54, dari Teluk Intan, Perak dan Ngatirah Junet, 42, dari Tanjung Karang, Selangor.

Mereka membawa pulang wang tunai RM5,000 dan trofi serta sijil, selain menerima beberapa imbuhan tambahan termasuk mesin racun, mesin baja dan pam air.

Mengulas lanjut, Ahmad Shabery berkata, tindakan kerajaan melantik pengimport tunggal beras di negara ini bertujuan melindungi beras tempatan, menjamin keselamatan makanan dan memudahkan kawalan kerajaan.

"Oleh itu, hubungan antara Bemas dan rakyat perlu sen-

tiasa diperkukuhkan. Dengan adanya anugerah seumpama ini, ia sekali gus mengiktiraf peranan pesawah untuk terus berdaya saing," katanya.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Bemas, Ismail Mohamed Yusoff berkata, pihaknya tidak mungkin berjaya tanpa kepercayaan diberikan kera-

info PENERIMA ANUGERAH KHAS SRIKANDI

- Zaliha Abd Rahman, 67, dari Pulau Pinang
- Hamisah Hashim, 54, dari Perak
- Ngatirah Junet, 42, dari Selangor

jaan dan kerjasama erat pelbagai agensi dalam industri.

"Banyak yang telah dipelajari dan paling penting adalah pemeliharaan hubungan kerja yang harmoni sesama rakan industri.

"Sebagai penghargaan atas nilai kerjasama itu dan mengiktiraf sumbangan serta pencapaian rakan tani negara, kami tampil untuk tahun kedua penganjuran Anugerah Tani Beras 2018," katanya.

KERATAN AKHBAR : KOSMO
TARIKH : 4 APRIL 2018 (RABU)
PERKARA : PERTANIAN

SINAR HARIAN • RABU 4 APRIL 2018

15

NASIONAL

Himpunkan 500 usahawanita

Karnival Usahawanita 2018 bermula esok hingga Sabtu

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN

Karnival Usahawanita 2018 yang akan berlangsung di Pantai Kuala Kerteh, esok hingga Sabtu ini bakal menghimpunkan 500 usahawan wanita.

Bertemakan Segalanya Wanita, karnival ini adalah prelu kepada satu himpunan usahawan wanita terbesar di negara ini iaitu semasa Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia 2018 (MAHA 2018) yang akan

berlangsung pada 22 November hingga 2 Disember depan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, Karnival Usahawanita diadakan sempena program Road to MAHA 2018 Zon Timur, anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan jabatan serta agensi di bawahnya.

Menurutnya, Road to MAHA Zon Timur adalah yang ketiga diadakan di negara ini selepas di Lundu Sarawak dan Teluk Intan, Perak.

"Road to MAHA bertujuan membawa kemeriahan MAHA 2018 kepada rakyat seluruh negara sebelum kemuncak berlangsungnya ekspo pertanian terbesar itu pada November nanti.

"Karnival Usahawanita ini menghimpunkan wanita,



Ahmad Shabery (tengah) berbincang mengenai susun atur gerai ketika meninjau persiapan Karnival Usahawanita 2018, semalam.

bukan sahaja di sini, tetapi juga yang berhampiran," katanya selepas meninjau persiapan karnival berkenaan.

Perasmian Road To MAHA Zon Timur dijangka

disempurnakan Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Iktisad Wanita di Jabatan Perdana Menteri pada 6 April, sementara perasmian Karnival

Usahawanita 2018 pula akan disempurnakan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim pada 7 April.

info • Bertemakan Segalanya Wanita

Ahmad Shabery yang juga Ahli Parlimen Kemaman berkata, kehadiran kedua-dua tokoh kepimpinan wanita negara itu akan memberi suntikan besar kepada rakyat di Kemaman terutama kepada golongan wanita.

Mengulas lanjut mengenai Karnival Usahawanita, beliau berkata, ia memfokuskan perjalanan ke MAHA dan penglibatan wanita dalam jualan serta aktiviti di 500 gerai, melibatkan lapan kluster utama iaitu perkembangan awal kanak-kanak, kesihatan, pelancongan, kulineri, florikultur, segar, kraf dan produk asas tani.